

Sinar Harian 6 Mac 2013

Tarik kemasukan pelajar luar

Unisza tandatangani MoU dengan KUPU SB, adakan pertukaran pelajar



Warga Unisza dan Kawat bergambar selepas selesai majlis berkenaan.

BUKIT TUNGGAL – Seजार dengan usaha mengembangkan lagi kolaborasi dengan universiti antarabangsa, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) melakar satu lagi kejayaan apabila menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Brunei Darussalam.

Menurut Naib Canselornya, Prof Dr Yahya Ibrahim, dalam pertemuan berlangsung hujung Februari lalu, kedua-dua pihak telah bersetuju mengadakan program kerjasama dari segi

pertukaran pelajar bagi mengikuti program pengajian dan sambutan diterima amat membanggakan.

“Dalam MoU yang telah kita persetujui bersama, terdapat beberapa perjanjian usaha sama termasuk pertukaran pelajar dan melanjutkan pengajian ijazah tertinggi. Ia adalah salah satu usaha dilaksanakan Unisza untuk menarik pelajar antarabangsa.

“Selain itu, pada majlis yang sama, kita juga turut mempromosikan Unisza dan sambutan diterima amat baik, di mana sekitar 20 pelajar

(KUPU SB) telah menyerahkan borang dan diterima untuk mengikuti pengajian di Unisza,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Makan Malam Fiesta Sukan UniSZA – Kelab Wartawan Terengganu (Kawat) 2013 di Ri-Yaz Heritage Spa & Resort, Pulau Duyong, di sini, semalam.

Menurut Yahya lagi, pihaknya yakin akan menerima lebih banyak permohonan daripada pelajar KUPU SB untuk mengikuti pengajian di UniSZA terutamanya melibatkan Fakulti Pengajian Kontemporari

Islam dan Fakulti Pengurusan Perniagaan dan Perakaunan.

“Kita sedang memproses dan telah menerima secara langsung permohonan pelajar yang berminat (dari KUPU SB) bagi membolehkan mereka mengikuti pengajian dalam kemasukan semester akan datang.

“Selain itu, kita akan meneruskan program lain bagi menarik kemasukan pelajar dari Indonesia terutamanya dari Aceh dan Riau,” katanya.

Jelas Yahya lagi, pihaknya menyasarkan seramai 200 kemasukan pelajar antarabangsa bagi mengikuti

pengajian dalam pelbagai bidang di Unisza dalam tempoh dua tahun ini, di mana setakat ini 60 pelajar luar negara sedang mengikuti pengajian di universiti berkenaan.

Sementara itu, pada majlis sama, Yahya turut menyampaikan medal kemenangan untuk pasukan bertanding dalam fiesta sukan, yang telah memasuki edisi kedua itu dengan menyaksikan pasukan Kawat mengungguli hampir kesemua kategori dipertandingkan iaitu badminton, baling, ping pong dan futsal, sekali gus dinobatkan juara keseluruhan.